

6 Oktober, 1981

# *Samsu haram: MIC gesa kenakan hukuman mati*

PULAU PINANG, Isnin — MIC menggesa kerajaan mengambil tindakan tegas menjatuhkan hukuman mati ke atas pengedar dan penjual samsu haram.

Gesaan tersebut adalah di antara sembilan ketetapan yang diputuskan dalam mesyuarat perwakilan agung MIC ke-29 di Universiti Sains Malaysia di sini yang berakhir semalam.

Sidang dua hari itu dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

MIC memandang serius bahaya pengedaran samsu haram dan berharap kerajaan mengambil perhatian berat membasmi perbuatan tersebut dari berlaku lagi.

Lain-lain usul yang diluluskan ialah menyokong penuh Sistem 3M yang

diumumkan oleh kerajaan baru-baru ini.

MIC berpendapat, Sistem 3M yang diumumkan oleh kerajaan itu memang sesuai dilaksanakan di negara ini.

Selain dari itu, MIC berharap Kementerian Pelajaran dapat menambahkan lagi masa bagi mata pelajaran Bahasa Malaysia dan Inggeris di sekolah-sekolah Tamil di bawah Sistem 3M itu.

Usul lain ialah mendesak Barisan Nasional menambah peruntukan kerusi Dewan Negeri dan Parlimen untuk MIC.

Perwakilan itu berpendapat, peruntukan yang diberi kepada MIC amat terbatas.

Perwakilan itu juga berpendapat, di kebanyakan negeri tidak terdapat Exco dari parti itu.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia